

Headline	Pandu uji go kart rekaan penuntut IKBN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	37	ArticleSize	257 cm ²
AdValue	RM 1,414	PR Value	RM 4,241



Pandu uji go-kart rekaan penuntut IKBN

Oleh: MUHAMMAD SHAMSUL SHAFIE
 Gambar Oleh: AHMAD AKMAL FAIS HARUN

SINTOK – Go-Kart rekaan lapan penuntut Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra menjalani ujian di litar go-kart di Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini.

Pemandu utama pasukan go-kart IKBN Jitra Mohd Khomeni Salim, 19, yang berasal dari Langkawi bersama rakan sepasukan dan pegawai serta guru dari IKBN itu menjalankan ujian pemanduan, strategik dan berlatih sebagai persediaan awal untuk menyertai kejohanan kebangsaan go-kart di Pulau Datuk Sagor, Batu Gajah, Perak pada 14 hingga 16 September ini.

Pegawai Latihan Vokasionalnya, Muhamad Razi Samsudin, 27, berkata, proses melakar, merangka dan membuat go-kart ini mengambil masa selama tiga bulan.

Menurutnya, panjang go-kart ini ialah 2560mm, lebar 1270mm, tinggi 1220mm, wheel base 1720mm dan beratnya ialah 280 kilogram.

“Dengan sokongan pihak Pengarah, Zahrin Romli dan pensyarah serta penuntut IKBN akhirnya mereka berjaya menghasilkan go-kart rekaan mereka dan buat pertama kali akan mewakili IKBN ke pertandingan peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada pertengahan September ini,” ujarnya ketika ditemui pada sesi ujian untuk go-kart

hasil rekaan mereka.

Sementara itu, beberapa pelajar yang ditemui melahirkan rasa bangga kerana bukan sahaja dapat mempelajari ilmu permotoran malah melangkah ke hadapan dengan

menghasilkan go-kart rekaan tersendiri.

Mohd Khomeni yang ditemui berkata, sokongan dan kesungguhan rakan sepasukan serta tenaga pengajar memberi kelebihan dan semangat kepada mereka bukan sahaja untuk menghasilkan rekaan ini malah dapat meletakkan nama IKBN Jitra di peringkat kebangsaan kerana berjaya menghasilkan rekaan tersendiri.

“Saya juga berterima kasih kepada pengarah, tenaga pengajar dan rakan-rakan kerana memberi peluang kepada saya untuk memandu go-kart ini,” ujarnya yang sebelum ini berpengalaman dalam pemanduan go-kart ketika di Langkawi.

Bagi Khairul Amri Abd Rahman, 20, yang berasal dari Segamat, Johor dan menjalani kursus Penyelenggaraan Motosikal bersama yang lain di IKBN ini melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang mereka lakukan.

“Namun saya berharap pencapaian lebih baik akan kami miliki termasuk berjaya menjadi johan dalam pertandingan yang akan disertai dan menjadikan IKBN Jitra disegani oleh semua pihak,” katanya lagi.

Dalam pada itu Yang Dipertua Alumni IKBN Peretak, Samsudin Oli Mohamed berkata, jalinan hubungan antara IKBN itu akan menjadi penghubung kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya Pusat Sukan, UUM untuk menjalankan pelbagai aktiviti secara bersama.

Katanya, beberapa perancangan juga telah dilakukan termasuk untuk menganjurkan program bersama Pusat Islam UUM dan Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Simpanan Nasional (BSN).



Memastikan tayar dikunci dengan betul sebelum ujian dilakukan.